



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### MAJIKAN DILARANG MEMAKSA PEKERJA MENGAMBIL CUTI TAHUNAN ATAU CUTI TANPA GAJI SEBELUM DAN SELEPAS HARI KELEPASAN AM TAHUN BARU CINA 2024

---

Kementerian Sumber Manusia menerima aduan daripada pihak pekerja mengenai tindakan segelintir majikan yang memaksa pekerja-pekerja untuk mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji berikutan penutupan operasi perniagaan sebelum dan selepas hari kelepasan am sempena Tahun Baru Cina yang jatuh pada 10 Februari 2024 dan 11 Februari 2024.

Kementerian ingin mengingatkan majikan yang berhasrat untuk menutup operasi perniagaan melebihi hari kelepasan am yang diwartakan sempena Tahun Baru Cina supaya tidak memaksa mana-mana pekerja untuk mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji di dalam tempoh berkenaan. Kementerian menegaskan walaupun cuti tahunan atau cuti tanpa gaji adalah tertakluk kepada kelulusan majikan, pekerja berhak untuk menentukan bila cuti hendak dimohon dan majikan tidak boleh memaksa pekerja mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji bagi mengurangkan kos perniagaan. Ini kerana cuti tahunan serta cuti tanpa gaji hendaklah diberikan atas kehendak dan permohonan pekerja sendiri.

Mana-mana pekerja yang mendapati majikan telah menolak kelayakan cuti tahunan ataupun gajinya bagi tempoh penutupan syarikat yang melebihi hari kelepasan am, boleh melaporkan perkara ini kepada Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran dengan tempat pekerjaannya, sebagaimana peruntukan Seksyen 69 Akta Kerja 1955 [Akta 265].

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**7 FEBRUARI 2024**